

Tibi ragut nyawa jiwa lewat dirawat

FAKTA
Gejala tibi jika tidak dirawat segera boleh berjangkit kepada orang lain melalui kahak

Oleh **HIDAYATUL AKMAL AHMAD**
hidayatulakmal@hmetro.com.my



Info



Gejala tibi

- Batuk berdarah atau berkahak
- Sakit di bahagian dada
- Lemah dan keletihan
- Susut berat badan
- Hilang selera makan
- Menggigil
- Demam
- Berpeluh waktu malam

Metro 17/2/13
MS 29.

SUDAH beberapa kali Husna mahu melelapan mata, namun tidak berjaya disebabkan batuk berpanjangan. Walaupun berjumpa doktor, batuknya tetap tidak sembuh, malah semakin teruk. Pelbagai usaha dilakukan, termasuk cara tradisional, namun masih belum menunjukkan hasil. Bingung dengan keadaan itu, Husna sekali lagi berjumpa doktor bagi mengenal pasti penyakit sebenar.

Selepas didiagnosis, doktor mengesahkan dia menghidap batuk kering atau tuberkulosis (tibi). Batuk kering adalah jangkitan bakteria Mikobakterium tuberkulosis yang biasanya menyerang paru-paru.

Ia juga mampu menyerang sistem saraf tunjang (meningitis), limfa, tibi miliari atau kerosakan di seluruh paru-paru, genitourinari (berkenaan organ pembiakan dan perkumuhan), tulang dan sendi.

Perunding Respiratori Pusat Perubatan Tropicana, Dr Wan Haniza Wan Mohamad berkata, tibi boleh membara maut jika tidak dirawat segera.

Apatah lagi jika kedua-dua bahagian paru-paru dijangkiti, yang boleh memusnahkan

“Apabila organ tertentu seperti paru-paru dijangkiti bakteria, pesakit turut mengalami batuk berpanjangan, batuk berdarah, sakit dada dan sesak nafas. Jika merebak ke bahagian otak pula, ia boleh mengakibatkan komplikasi serius”

Dr Wan Haniza Wan Mohamad

makan, turun berat badan dan berpeluh pada waktu malam.

“Apabila organ tertentu seperti paru-paru dijangkiti bakteria, pesakit turut mengalami batuk berpanjangan, batuk berdarah, sakit dada dan sesak nafas. Jika merebak ke bahagian otak pula, ia boleh mengakibatkan komplikasi serius,” katanya.

Tibi juga pernah menjadi penyakit paling digeruni masyarakat dan pembunuh utama negara pada 1945 hingga 1957. Senario waktu itu, berikutan ketiadaan penawar berkesan untuk mengubati wabak berkenaan, tibi akhirnya berleluasa memusnahkan paru-paru individu



KUMAN tibi menyerang paru-paru jika lambat dirawat boleh menyebabkan kematian.

semua individu yang dikesan mempunyai tanda penyakit ini dirujuk ke Pusat Tibi Negara atau kini dikenali se-

bagai Institut Perubatan Respiratori (IPR), Jalan Pahang, Kuala Lumpur, untuk rawatan susulan.

Sejak itu, diperkukuhkan

dengan kaedah bidang perubatan yang makin moden, tibi mula terkawal sehingga Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyenaraikan Malaysia sebagai 'Negara Tibi

kiti, yang boleh menyebabkan komplikasi dan kesukaran bernafas kebocoran udara dari paru-paru ke dalam ruang pleural atau penutup paru-paru dalam (pneumothorax).

“Tibi boleh dikesan melalui beberapa simptom. Antara yang biasa ialah demam teruk berpanjangan melebihi dua minggu, hilang selera

nyerang orang ramai sehingga pesakit terpaksa dikuarantin bagi mengelak jangkitan lebih meluas.

Pada 1961, kerajaan memperkenalkan Program Kawalan Tibi Kebangsaan dan



KANAK-KANAK perlu diberikan vaksin sebagai langkah pencegahan.

Info

Golongan berisiko



- Individu berusia 20 hingga 40 tahun
- Mereka yang dijangkiti AIDS (virus HIV)
- Individu mendampingi pesakit batuk kering
- Pendatang asing
- Sesetengah bangsa dan etnik minoriti
- Mereka yang kekurangan zat dan vitamin
- Kaki botol dan penagih dadah yang dijangkiti HIV
- Kerap berada di tempat sesak
- Banduan
- Perokok
- Penghidap diabetes (kencing manis)

Info

Kaedah pencegahan



- Jalani pemeriksaan kesihatan dengan pakar berkaitan penyakit tibi dengan segera apabila mengalami simptom
- Gunakan topeng mulut dan hidung apabila berada di kawasan awam, terutama apabila anda mengalami batuk atau selesema
- Doktor di klinik awam perlu memahami serta mempunyai kemahiran mengesan simptom sebenar tibi dan menasihatkan pesakit bertemu pakar

Malaysia sebagai 'Negara Tibi Sederhana'.

Menurut Dr Haniza, gejala tibi jika tidak dirawat segera boleh berjangkit kepada orang lain melalui kahak.

Katanya lagi, kurang kesedaran terhadap gejala ini menyebabkan ia sukar dikekang.

“Ramai datang berjumpa doktor pada saat akhir dan mengabaikan gejala ringan seperti batuk berpanjangan yang dianggap tidak berbahaya dan hanya simptom ringan.

“Kelewatan ini menyebabkan tibi makin merebak dan bertambah teruk, malah peluang untuk sembuh juga tipis,” katanya sambil mengingatkan orang ramai supaya peka terhadap kesihatan diri.

Kematian akibat tibi dalam rawatan juga meningkat 51 orang iaitu 239 kes (tahun lalu) berbanding 188 kes dalam tempoh sama pada 2011, dengan 40 peratus daripada kes kematian itu memabitkan warga asing.